

07/02/2000

Pas sedia buktikan kenyataan agama

KOTA BHARU, Ahad - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas sedia berdepan dengan Umno untuk menjawab segala fatwa yang dikeluarkan Pas yang didakwa bertentangan dengan akidah Islam.

Menurutnya, Pas mempunyai alasan untuk menjawab dan membuktikan segala kenyataannya berhubung soal agama, terutama isu membezakan politik dengan agama.

Katanya, sebelum ini Pas disebut sebagai membawa ilmu salah kerana menyamakan politik dengan agama sedangkan kenyataannya itu mempunyai bukti yang cukup jelas.

Beliau berkata demikian selepas berucap pada majlis dialog dengan pelancong dari luar Kelantan di kediaman rasminya di JKR 10, di sini, hari ini.

Nik Aziz diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno akan membuktikan beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Pas bertentangan dengan akidah Islam.

Bercakap kepada pemberita ketika menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Kuala Lumpur, semalam, Perdana Menteri berkata, Umno kini sedang mengumpulkan maklumat perlu dan akan mengemukakan bukti apabila proses itu selesai nanti.

Mengenai pelantikan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir sebagai Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan, Nik Abdul Aziz berkata, cadangan itu amat baik.

Bagaimanapun, katanya, lebih baik jika jawatan itu diberikan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan (Tengku Razaleigh Hamzah) sendiri.

Jabatan itu bertanggungjawab menangani segala tuduhan dan menjawab laporan salah terhadap kerajaan menerusi Internet dan surat layang.

(END)